

KUALA LUMPUR,
Ahad — Naib Presiden
UMNO Malaysia, En-
cik Ghafar Baba dilan-
tik menjadi Pengarah
Operasi Pilihanraya,
demikian diumumkan
oleh Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad
hari ini.

Timbalan Presiden
UMNO, Datuk Musa Hi-
tam pula dilantik sebagai
Pengarah Penerangan
dan Menteri Kewangan,
Tengku Razaleigh ber-
tanggungjawab
mengenai kewangan.

Datuk Seri Dr.
Mahathir yang juga
Presiden UMNO
Malaysia mem-
engerusikan mesyuarat
Majlis Tertinggi UMNO
di Ibupejabat UMNO di
sini hari ini.

Beliau memberitahu
para pemberita selepas
mesyuarat itu, dengan
perlantikan itu

PM ADA KUASA PILIH CALON

bermakna pilihanraya
sudah diambang pintu.

"Saya telah meminta
penjelasan mengenai
persiapan parti
menghadapi pilihan-
raya," katanya.

Menurut Perdana
Menteri lagi, Majlis Ter-
tinggi UMNO telah mem-
berikan mandat kepada
beliau selaku Presiden
parti membuat pen-
entuan akhir pemilihan
calon-calon peringkat
Negeri dan Persekutuan.

"Semua pihak mesti
mematuhi pemilihan
itu," ujarnya.

Mengenai tarikh pili-
hanraya, beliau berkata,

di peringkat ini beliau
belum boleh
mengumukannya ke-
rana perlu berunding
dengan rakan-rakan
Barisan Nasional dahulu.

"Apa yang boleh saya
beritahu ialah tarikh
pembubaran Parlimen.
Saya berjanji
mengumumkan tarikh
itu petang ini," katanya.

Menurutnya, hari
penamaan calon dan
pembuangan undi adalah
di bawah bidang kuasa
Suruhanjaya Pilihan-
raya yang akan
diumumkan nanti.

Mengikut Per-
lembagaan, pilihanraya

mesti diadakan dalam
masa 60 hari selepas
Yang di-Pertuan Agong
memperkenan pem-
bubaran Parlimen.

Bagaimanapun bagi
Sabah dan Sarawak, tem-
pohnya ialah 90 hari.

Menurut lazimnya,
Suruhanjaya itu akan
menentukan hari pena-
maan calon dan pem-
buangan undi sebaik sa-
haja Parlimen
dibubarkan.

Suruhanjaya itu juga
dimestikan mem-
beritahu melalui Warta
Kerajaan dan sebuah
atau lebih akhbar harian
memaklumkan tarikh
hari penamaan calon